

26 JAN 2000

Mohamad Ali-Pelancongan

MEDIA DIMINTA BANTU PROMOSIKAN FESTIVAL PELANCONGAN MELAKA

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Media tempatan diminta membantu mempromosikan Festival Pelancongan Melaka yang akan diadakan selama seminggu di KLCC di sini, bermula 18 Feb ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamad Ali Rustam juga mahu usahawan dan industri pelancongan mengambil bahagian dalam festival itu, yang antara lain akan mempromosikan produk pelancongan, persembahan kebudayaan, membeli-belah, perubatan dan pendidikan.

"Melaka walaupun sebuah negeri yang kecil, tetapi mempunyai banyak kesan sejarah dan tempat-tempat menarik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman penajaan festival itu di sini.

Antara penaja festival itu ialah DRB Hicom, Telekom Malaysia Bhd, The New Straits Times, Berita Harian, Nanyang Siang Pau dan Takaful Nasional.

Festival yang akan berakhir pada 23 Feb itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebanyak 100 gerai akan disediakan di tapak festival di pesiaran KLCC, dan 72 syarikat telahpun bersetuju mengambil bahagian. Festival akan dibuka mulai 10 pagi hingga 10 malam setiap hari dan masuk adalah percuma.

Mohamad Ali berkata kerajaan negeri berharap jumlah pelancong yang akan datang ke Melaka akan meningkat kepada 3 juta tahun ini, berbanding hanya 1.5 juta tahun lepas.

"Kita juga harap perbelanjaan purata pelancong sebanyak RM150 sehari meningkat, di samping jumlah hari menetap di Melaka juga bertambah berbanding hanya satu setengah hari sahaja sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ RI